

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LIM KIT SIANG [ISKANDAR PUTERI]**

**SOALAN**

**TUAN LIM KIT SIANG [ ISKANDAR PUTERI ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pencapaian, bilangan mesyuarat, kertas kerja yang telah dipertimbangkan, dan prosiding oleh setiap Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat untuk tahun 2018, 2019, 2020.

**JAWAPAN: YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI  
JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN  
UNDANG-UNDANG)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pencapaian-pencapaian Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat untuk tahun 2018, 2019, 2020 boleh didapati melalui Penyata-Penyata dan Laporan-Laporan yang telah dibentangkan di Dewan Rakyat dan boleh didapati di laman web Parlimen iaitu di [www.parlimen.gov.my](http://www.parlimen.gov.my) serta boleh dirujuk di dalam simpanan Perpustakaan Parlimen Malaysia.

Namun begitu, bagi Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan Khas yang tidak membentangkan Penyata di Dewan Rakyat, kerahsiaan prosiding-prosiding mesyuarat adalah tertakluk di bawah Peraturan Mesyuarat 85 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dan Seksyen 23 Houses of Parliament (Privileges and Powers) Act 1952.

Sekian, terima kasih.